

1417MST 18 07 85

0743

B B397 DEB

MAHATHIR - KERETAPI

1985

TAIPING, 18 JULAI (BERNAMA) -- SATU LANDASAN BARU KERETAPI TIMUR-BARAT MENGHUBUNGI CUKAI, TERENGGANU DAN PELABUHAN KELANG SEDANG DALAM PERINGKAT KAJIAN UNTUK DILAKSANAKAN.

PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD KETIKA MENGUMUMKAN DEMIKIAN HARI INI BERKATA LANDASAN ITU JUGA AKAN MELALUI STESEN KERETAPI KUALA LUMPUR DAN BEBERAPA BANDAR BESAR DI NEGERI PAHANG.

KATANYA, KEPENTINGAN LANDASAN TIMUR-BARAT ITU SEMAKIN PERLU KERANA BERLAKUNYA PEMBANGUNAN PESAT DI PANTAI TIMUR SEMENANJUNG EKORAN PENEMUAN MINYAK DAN BAGI MENGHUBUNGI PELABUHAN KUANTAN.

PERDANA MENTERI BERKATA DEMIKIAN KETIKA MERASMIKAN PELANCARAN PERAYAAN 100 TAHUN KERETAPI TANAH MELAYU (KTM) DI STESEN TAIPING DI

BELIAU BERKATA SEBAHAGIAN PROJEK KERETAPI TIMUR-BARAT ITU AKAN DISWASTAKAN BAGI MENGURANGI BEBAN YANG TERPAKSA DITANGGUNG OLEH KERAJAAN.

--LAGI.

1304MST 18 07 85

MAHATHIR - KERETAPI 2 TAIPING

STESEN-STESEN DI BANDAR-BANDAR BESAR DI PAHANG YANG AKAN DILALUI OLEH KERETAPI ITU PULA AKAN DIDIRIKAN BANGUNAN BESAR SEPerti STESEN KERETAPI KUALA LUMPUR YANG DILENGKAPI DENGAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN SEPerti RESTORAN, PUSAT MEMBELI-BELAH DAN HOTEL.

KATANYA, KERETAPI ITU AKAN MELALUI DI BAWAH BANGUNAN STESEN ITU DAN TIDAK DI TEPINYA SEPerti DI STESEN BANDAR-BANDAR LAIN.

PERDANA MENTERI YAKIN DENGAN SISTEM PERHUBUNGAN YANG BARU INI, KEGIATAN EKONOMI DI TEMPAT-TEMPAT BERKENAAN AKAN SEMAKIN BERKEMBANG DAN MENINGKAT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENYENTUH BEBERAPA RANCANGAN PEMODENAN KTM LAIN YANG AKAN DIJALANKAN TERMASUK PENGGUNAAN KERETAPI ELEKTRIK.

PENGGUNAAN KERETAPI KUASA ELEKTRIK BAGI MENGGANTIKAN KUASA DIESEL TIDAK DAPAT DIELAKKAN DALAM KEADAAN PEMBANGUNAN DAN KEMAJUAN MASA KINI, TAMBAHNYA.

KATANYA, MALAYSIA KAYA DENGAN SUMBER ALAM SEPerti KUASA HIDRO ELEKTRIK DAN GAS YANG BOLEH DIEKSPLORITASI BAGI KEGUNAAN KERETAPI. --

LAGI.

1327MST 18 07 85

MAHATHIR - KERETAPI 3 TAIPING

SEWAJARNYA PULA KERETAPI KUASA DIESEL DIGANTIKAN BAGI MENGATASI MASALAH PENCEMARAN, KATANYA.

BELIAU BERKATA MASALAH YANG DIHADAPI OLEH KTM DALAM RANCANGAN PEMODENAN INI HANYALAH PERUNTUKAN KEWANGAN SAHAJA DAN INI TIDAK BERMAKNA KERAJAAN MENGABAIKAN TANGGUNGJAWABNYA KEPADA KTM MEMANDANGKAN PERKHIDMATAN KERETAPI MERUPAKAN SISTEM PENGANGKUTAN TERBAIK KEPADA SELURUH RAKYAT.

PERDANA MENTERI SEBELUM ITU MENEGUR KTM KERANA KURANG MEMBERIKAN PERHATIAN KEPADA SOAL IKLAN BAGI MENDAPATKAN PUBLISITI LEBIH MELUAS MENGENAI PERKHIDMATANNYA DAN SEKALI GUS MENARIK LEBIH RAMAI PENUMPANG MENAIKI KERETAPI.

BELIAU MEMBERI CONTOH BAGAIMANA SISTEM PENERBANGAN MALAYSIA (MAS) MENGGUNAKAN SEPENUHNYA PELUANG-PELUANG IKLAN UNTUK MENARIK PENUMPANG SEHINGGA SALAH SATU DARIPADA IKLANNYA MUNCUL SEBAGAI IKLAN TERBAIK DI TELEVISYEN.

+IKLAN ADALAH PELABURAN PALING BAIK UNTUK MENAMBAH BILANGAN PENGGUNA,+ TAMBAHNYA SAMBIL MENYATAKAN BELIAU SUDAH LAMA MENUNGGU UNTUK MELIHAT IKLAN-IKLAN KTM SECARA LEBIH MELUAS. -- LAGI
1330MST 18 07 85

D958

B B408 BAH

MAHATHIR - KERETAPI 4 TAIPING

SEORANG TIMBALAN PERDANA MENTERI DARI NEGARA KEPULAUAN PASIFIK YANG MELAWAT MALAYSIA BARU-BARU INI TERTANYA-TANYA SAMA ADA MALAYSIA MEMPUNYAI KERETAPI, DAN ADA KEMUNGKINAN JUGA MASIH RAMAI YANG LAIN YANG TIDAK MENGETAHUI PERKHIDMATAN KTM, TAMBAHNYA.

KEPADA PARA PENGGUNA KTM, PERDANA MENTERI MENASIHATI MEREKA SUPAYA BERSAMA-SAMA MENJAGA KEMUDAHAN-KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN OLEH KTM.

PENDUDUK DI SEPANJANG LANDASAN KERETAPI PULA PERLU BEKERJASAMA MEMBANTERAS KEGIATAN MEMBALING BATU KE ARAH KERETAPI.

YANG TURUT HADIR PADA MAJLIS INI IALAH DATUK SERI DATIN PADUKA DR. SITI HASMAH ALI, MENTERI BESAR, DATUK SERI RAMLI NGAH TALIB DAN MENTERI PENGANGKUTAN, TAN SRI CHONG HONG NYAN. -- BERNAMA.
1333MST 18 07 85